



16 Januari 2024
16 January 2024
P.U. (A) 12

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH DUTI EKSAIS
(PEMBAYARAN PENYEDIAAN PRACAMPURAN) 2024

*EXCISE DUTIES (PAYMENT OF PREMIX PREPARATION)
ORDER 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA EKSAIS 1976

PERINTAH DUTI EKSAIS (PEMBAYARAN PENYEDIAAN PRACAMPURAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 6(1) Akta Eksais 1976 [*Akta 176*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Eksais (Pembayaran Penyediaan Pracampuran) 2024**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2024.

Duti eksais

2. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), kadar duti eksais yang dinyatakan dalam ruang (5) Jadual kepada Perintah Duti Eksais 2022 [*P.U. (A) 163/2022*] hendaklah dilevi dan dibayar oleh pengilang berlesen dan pemegang lesen.

(2) Bagi maksud Perintah ini, barang-barang yang diperihalkan dalam ruang (3) Jadual kepada Perintah Duti Eksais 2022 berhubung dengan kepala 18.06 dalam Bab 18, kepala 19.01 dalam Bab 19 dan, kepala 21.01 dan 21.06 dalam Bab 21 hendaklah disebut sebagai “penyediaan pracampuran”.

Cara pembayaran

3. (1) Pengilang berlesen atau pemegang lesen yang memindahkan penyediaan pracampuran dari tempat dilesenkan atau gudang berlesen bagi kegunaan dalam Malaysia hendaklah membayar duti eksais tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya daripada pemindahan penyediaan pracampuran itu.

(2) Ketua Pengarah boleh membenarkan suatu sekuriti diberikan oleh pengilang berlesen atau pemegang lesen bagi pembayaran duti eksais yang disebut dalam subperenggan (1).

(3) Sekuriti yang diberikan oleh pengilang berlesen atau pemegang lesen di bawah subperenggan (2) hendaklah menjadi kena dibayar dengan syarat bahawa—

(a) pengilang berlesen atau pemegang lesen itu adalah bertanggung bagi duti eksais yang disebut dalam subperenggan (1) pada setiap masa; dan

(b) Ketua Pengarah boleh menuntut bayaran duti eksais yang disebut dalam subperenggan (1) daripada pengilang berlesen atau pemegang lesen jika Ketua Pengarah mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa penyediaan pracampuran itu tidak diakaunkan.

(4) Dalam perenggan ini, “tempat dilesenkan” ertinya mana-mana tempat pengilangan yang berhubungan dengan penyediaan pracampuran sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen yang dikeluarkan kepada pengilang berlesen.

Pembatalan

4. Perintah Duti Eksais (Penyediaan Pracampuran) (Bayaran) 2022 [P.U. (A) 290/2022] dibatalkan.

Dibuat 15 Januari 2024

[Sulit KE.HT (96)669/19-8 Klt.3 SK.27; MOF.TAX(S) 700-2/1/16 JLD.13; PN(PU2)337/JLD.28]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat menurut subseksyen 6(2) Akta Eksais 1976]

EXCISE ACT 1976

EXCISE DUTIES (PAYMENT OF PREMIX PREPARATION) ORDER 2024

IN exercise of the powers conferred by subsection 6(1) of the Excise Act 1976 [*Act 176*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Excise Duties (Payment of Premix Preparation) Order 2024**.

(2) This Order comes into operation on 1 March 2024.

Excise duty

2. (1) Subject to subparagraph (2), the rate of excise duty specified in column (5) of the Schedule to the Excise Duties Order 2022 [*P.U. (A) 163/2022*] shall be levied and paid by the licensed manufacturer and licensee.

(2) For the purposes of this Order, the goods described in column (3) of the Schedule to the Excise Duties Order 2022 in relation to heading 18.06 in Chapter 18, heading 19.01 in Chapter 19 and, headings 21.01 and 21.06 in Chapter 21 shall be referred to as “premix preparation”.

Method of payment

3. (1) The licensed manufacturer or licensee who removes the premix preparation from the place licensed or licensed warehouse for consumption within Malaysia shall pay the excise duty not later than the last day of the following month from the removal of the premix preparation.

(2) The Director General may allow a security to be given by the licensed manufacturer or licensee for the payment of excise duty referred to in subparagraph (1).

(3) The security given by the licensed manufacturer or licensee under subparagraph (2) shall become payable provided that—

- (a) the licensed manufacturer or licensee is liable for the excise duty referred to in subparagraph (1) at all times; and
- (b) the Director General may demand payment of the excise duty referred to in subparagraph (1) from the licensed manufacturer or licensee if the Director General has reason to believe that the premix preparation is not accounted for.

(4) In this paragraph, “place licensed” means any place of manufacture relating to premix preparation as specified in the licence issued to the licensed manufacturer.

Revocation

4. The Excise Duties (Premix Preparation) (Payment) Order 2022 [P.U. (A) 290/2022] is revoked.

Made 15 January 2024

[Sulit KE.HT (96)669/19-8 Klt.3 SK.27; MOF.TAX(S) 700-2/1/16 JLD.13; PN(PU2)337/JLD.28]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 6(2) of the Excise Act 1976]